

Berdepan kos sara hidup yang semakin tinggi membuatkan setiap orang tak habis fikir tentang cara terbaik membuat tabungan. Wang tunai bukan cara efektif untuk menyimpan sementara waktu hujung bulan tiba, pasti pengeluaran dibuat dan akhirnya tabungan menjadi kosong juga.

Justeru, simpanan emas adalah alternatifnya. Menyambut kempen satu bulan, satu gram emas, satu keluarga yang dijalankan powergold.biz membuatkan ramai wanita menyertainya. Bukan sekadar ahli biasa, bahkan ramai dalam kalangan stokis dan master stokis perniagaan ini merupakan wanita. Wanita yang asalnya sekadar suri rumah biasa, berniat membantu keluarga, sekadar suka-suka dan kini mempunyai pendapatan luar biasa.

Berpeluang mengenali Asma Sanusi, 27, membuatkan penulis ingin mengetahui lebih dekat mengenai dirinya. Asma merupakan graduan yang memiliki ijazah dari Universiti Kebangsaan Malaysia di bidang Pengajian al-Quran dan al-Sunnah.

Anak jati Pattani Thailand ini juga pemegang Diploma dari Darul Quran Jakim di bidang Tahfiz Quran dan Dakwah). Beliau memulakan pendidikan di Amanah SAK School Thailand sehingga darjah enam sebelum keluarganya berpindah ke Malaysia dan mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Hafiz, Klang, Selangor.

Beliau kini usahawanita berjaya di bidang perniagaan emas dalam talian Powergold.biz. Bapanya Sanusi Abd Rahman, 60, seorang pegawai kerajaan di Kementerian Pendidikan Selatan Thailand, manakala ibunya, Kuhafsa Kumamud, 50, seorang suri rumah.

Perniagaan Asma mendapat bantuan dan sokongan suaminya, Mohammad Abdillal Samsuiman, 31, merupakan seorang guru di MRSM Kota Putra, Besut Terengganu. Pasangan ini dikurniakan dua anak, Nur Aflah Khalidah, 4, dan Nur Afa Sakinah, 2.

Beli murah

Menceritakan tentang perniagaannya, Asma berkata beliau sekadar bermula sebagai ahli biasa powergold.biz kerana ingin membeli emas pada kadar yang lebih



Tabungan emas buat keluarga

Dari ejen biasa Asma jadi master stokis berjaya

murah dan juga menggunakan bonus pembelian.

"Saya dan suami membuat perancangan apabila dapat gaji kami akan asingkan wang yang hendak disimpan dan tukar dalam bentuk emas supaya dapat simpan lama. Nilai emas kini semakin meningkat dalam jangka masa panjang.

"Selepas menyertai powergold saya menyertai grup-grup di aplikasi WhatsApp mengenai perkongsian ilmu emas. Ia membuatkan saya mengetahui begitu banyak kelebihan dan ilmu emas yang

tidak pernah saya ketahui sebelum ini. Saya kongsi ilmu-ilmu tersebut di laman sosial dan tidak sangka ramai rakan yang berminat untuk mengetahuinya.

"Bisnes berkembang tanpa disedari kerana kelebihan yang ada pada emas serta syarikat powergold.biz. Dari sekadar ejen biasa saya naik taraf sebagai stokis dan dengan modal yang rendah saya tidak perlu hanter barang dan tidak perlu simpan stok. Segalanya diuruskan syarikat. Apabila pendapatan meningkat saya mula simpan stok dan belajar menghantar emas sendiri. Sejak Ogos 2015 saya dilantik menjadi master stokis," katanya.

Beli tanah tanpa pinjaman

Tugas master stokis menjadi lebih besar dan perlu menguruskan tempahan ahli dan stokis dengan modal pusingan yang telah ditetapkan oleh syarikat. Asma bersyukur kerana dapat menyesuaikan diri dan menguruskan tanggungjawab ini dengan bantuan dan sokongan suami.

"Suami sangat memahami apa yang saya lakukan dan jika aktiviti di sekolah tidak banyak, suami akan menolong saya menguruskan stok. April lalu kami mendapat tapak untuk pusat perniagaan di Besut lalu kami memulakan previu perniagaan pertama pada 29 April dan bengkel emas pada 14 Mei lalu.

"Program-program yang kami anjurkan bermatlamat untuk memperkenalkan powergold.biz kepada orang ramai, mengajar ahli-ahli serta stokis tentang pelan pemasaran dan mengajar ilmu emas untuk dipraktikkan seperti

Ar-Rahnu, pemasaran dalam talian dan sebagainya. Dan perkara paling menarik adalah saya dapat membeli tanah di Besut tanpa membuat pinjaman dan hanya menggunakan simpanan emas yang ada," katanya.

Ayah wanita celik emas

Mengakui bisnes ini sangat santai dan tidak memberikan tekanan kepada ahlinya, Asma mengajak seberapa ramai wanita di luar sana untuk turut sama-sama memulakan langkah sebegini.

"Suasana bisnes ini juga sangat positif dan dikelilingi rakan-rakan yang memberi semangat untuk sama-sama berjaya. Ketua juga tidak lokek mencurahkan ilmu tanpa mengira mana-mana kumpulan.

"Saya sangat mengalu-alukan wanita di luar sana yang ingin mencari pendapatan tambahan secara dropship dan ejen kerana kerjaya ini sangat mudah. Hanya tekan-tekan telefon dan dapat tambahan pendapatan. Boleh lakukan di mana-mana sahaja. Saya percaya ramai para isteri ingin mengurangkan beban suami tetapi tidak jumpa bisnes yang tanpa modal. Dan inilah masanya. Bisnes

ini mampu membantu anda Insya-Allah," kata penerima Anugerah Stokis Terbaik 2015 dan Anugerah Leader Terbaik 2016.

Asma boleh dihubungi menerusi Facebook Asma jutawan Gold atau Instagram @asmajutawangold atau laman web www.akademigoldcreation.com dan www.asmajutawan.blogspot.com.

"Saya tahu kebanyakan suri rumah di luar sana takut untuk memulakan langkah. Mereka ada ramai anak kecil tetapi bagi saya selagi anda mampu menjaga pendapatan kecil tanpa perlu menghantar anak ke pengasuh, lakukanlah dan hanya bisnes dalam talianlah yang sesuai dengan anda. Paling penting mintalah petunjuk daripada ALLAH sebelum kita memulakan langkah baru," akhirnya.



Asma ketika menerima anugerah.



Asma dan keluarga.